

### BAHAGIAN III

## PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

#### Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 43 daripada 46 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit.
- Sebanyak 17 penyata kewangan agensi tahun 2020 yang belum dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah Tahun 2020 telah disahkan dan disijilkan yang terdiri daripada 11 penyata kewangan BBN dan enam penyata kewangan PBT. Sebanyak empat penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Tiga penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Empat penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Berteguran.

- Sebanyak 32 daripada 43 Penyata Kewangan tahun 2021 yang diterima telah disahkan. Tujuh penyata kewangan BBN dan 19 penyata kewangan PBT diberi Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran. Satu penyata kewangan BBN dan satu PBT diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Satu penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT diberi Pendapat Berteguran.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:
  - agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan
  - agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

## BAHAGIAN III

### PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

#### FAKTA UTAMA

| <b>AGENSI NEGERI TAHUN 2021</b> | <b>Bilangan Agensi Negeri</b>     | <b>46 Akaun Agensi</b>   |
|---------------------------------|-----------------------------------|--|
|                                 | <b>18</b> Badan Berkanun Negeri   | <b>26</b> Pendapat Tanpa Teguran                                 |
|                                 | <b>26</b> Pihak Berkuasa Tempatan | <b>2</b> Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> |
|                                 | <b>2</b> Majlis Agama Islam       | <b>4</b> Pendapat Berteguran                                     |
|                                 |                                   | <b>11</b> Belum Disahkan   |
|                                 |                                   | <b>3</b> Belum Terima  |

#### 1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### 2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara dikehendaki untuk menjalankan pengauditan terhadap 46 penyata kewangan melibatkan 18 BBN, 26 PBT dan dua MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri dan Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 manakala PBT ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), Majlis Ugama Islam Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah masing-masing ditubuhkan di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah (Pindaan) 2004 (Enakmen 5/2004) dan Enakmen Perbadanan Baitulmal No. 11 Tahun 1998 (Enakmen 11/1998).

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terus terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN, tujuh PBT dan dua MAI manakala baki 15 penyata kewangan BBN dan 19

keuangan PBT dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya.

2.3 Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

### 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 10 BBN dan 21 PBT telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebanyak enam BBN, lima PBT dan satu MAI pula mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2022. Dua BBN dan satu MAI belum mengemukakan penyata kewangan iaitu Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah; Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar; serta Perbadanan Baitumal Negeri Sabah. Ketiga-tiga agensi ini telah mendapat kelulusan mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 31 Julai 2022. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 setakat 31 Ogos 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN**  
**NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 SETAKAT 31 OGOS 2022**

| BIL.                         | AGENSI                                     | TARIKH PENYERAHAN |
|------------------------------|--|-------------------|
| <b>BADAN BERKANUN NEGERI</b> |  |                   |
| 1.                           | Perbadanan Pinjaman Sabah                  | 18.03.2022        |
| 2.                           | Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah | 28.04.2022        |
| 3.                           | Lembaga Industri Getah Sabah               | 28.04.2022        |
| 4.                           | Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah            | 18.04.2022        |
| 5.                           | Lembaga Sukan Negeri Sabah                 | 10.06.2022        |
| 6.                           | Lembaga Pelancongan Sabah                  | 22.04.2022        |
| 7.                           | Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah          | 15.06.2022        |
| 8.                           | Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar   | Belum Terima      |
| 9.                           | Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah   | 27.04.2022        |
| 10.                          | Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah       | 27.04.2022        |
| 11.                          | Yayasan Sabah                              | 30.06.2022        |

| BIL.                           | AGENSI   | TARIKH PENYERAHAN |
|--------------------------------|--|-------------------|
| 12.                            | Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah                    | 25.05.2022        |
| 13.                            | Korporasi Pembangunan Desa Sabah                       | 28.04.2022        |
| 14.                            | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah                   | Belum Terima      |
| 15.                            | Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah | 28.04.2022        |
| 16.                            | Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah         | 30.06.2022        |
| 17.                            | Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah              | 01.08.2022        |
| 18.                            | Yayasan Tun Fuad                                       | 08.04.2022        |
| <b>MAJLIS UGAMA ISLAM</b>      |  |                   |
| 1.                             | Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah                      | Belum Terima      |
| 2.                             | Majlis Ugama Islam Sabah                               | 27.05.2022        |
| <b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b> |  |                   |
| 1.                             | Majlis Perbandaran Tawau                               | 29.04.2022        |
| 2.                             | Majlis Daerah Nabawan                                  | 01.04.2022        |
| 3.                             | Majlis Daerah Tenom                                    | 29.04.2022        |
| 4.                             | Lembaga Bandaran Kudat                                 | 27.04.2022        |
| 5.                             | Majlis Daerah Kuala Penyu                              | 30.03.2022        |
| 6.                             | Majlis Daerah Kota Belud                               | 13.04.2022        |
| 7.                             | Majlis Daerah Kota Marudu                              | 26.04.2022        |
| 8.                             | Majlis Daerah Beluran                                  | 04.02.2022        |
| 9.                             | Majlis Daerah Kunak                                    | 28.04.2022        |
| 10.                            | Majlis Daerah Beaufort                                 | 23.03.2022        |
| 11.                            | Majlis Daerah Penampang                                | 27.04.2022        |
| 12.                            | Majlis Perbandaran Sandakan                            | 28.04.2022        |
| 13.                            | Majlis Daerah Putatan                                  | 27.04.2022        |
| 14.                            | Majlis Daerah Pitas                                    | 27.04.2022        |
| 15.                            | Majlis Daerah Ranau                                    | 19.04.2022        |
| 16.                            | Dewan Bandaraya Kota Kinabalu                          | 26.05.2022        |
| 17.                            | Majlis Daerah Kinabatangan                             | 29.04.2022        |
| 18.                            | Majlis Daerah Lahad Datu                               | 05.08.2022        |
| 19.                            | Majlis Daerah Papar                                    | 27.04.2022        |
| 20.                            | Majlis Daerah Sipitang                                 | 31.03.2022        |
| 21.                            | Majlis Daerah Tambunan                                 | 15.04.2022        |
| 22.                            | Majlis Daerah Tuaran                                   | 23.05.2022        |
| 23.                            | Majlis Daerah Semporna                                 | 09.05.2022        |
| 24.                            | Majlis Daerah Keningau                                 | 25.04.2022        |
| 25.                            | Majlis Daerah Tongod                                   | 13.04.2022        |
| 26.                            | Majlis Daerah Telupid                                  | 01.06.2022        |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli

Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Penyediaan penyata kewangan bagi PBT Negeri Sabah adalah berasaskan perakaunan tunai berdasarkan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Tahun 1961 Bilangan 273 (Appendix T). Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**  
**OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

| BIL.          | PIAWAIAN PERAKAUNAN  | BIL. AGENSI |
|---------------|--|-------------|
| 1.            | Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)   | 17          |
| 2.            | Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)                                       | 3           |
| 3.            | <i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i> (MPSAS)  | 1           |
| 4.            | Asas perakaunan tunai di bawah Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Tahun 1961 Bilangan 273 (Appendix T) | 25          |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>46</b>   |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## **5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### **5.1 Pendapat Tanpa Teguran**

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

#### **5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

#### **5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter(OM)]**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

### **5.2. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

### 5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

### 5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

### 5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 32 daripada 43 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang diterima iaitu sembilan penyata kewangan BBN dan 23 penyata kewangan PBT. Butiran penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2017 sehingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 SEHINGGA 2021**

| BIL. | JENIS PENDAPAT AUDIT              | TAHUN KEWANGAN |      |      |      |      |
|------|-----------------------------------|----------------|------|------|------|------|
|      |                                   | 2017           | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
| 1.   | Pendapat Tanpa Teguran            | 31             | 23   | 21   | 29   | 26   |
| 2.   | Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM | 8              | 10   | 9    | 4    | 2    |

| BIL.          | JENIS PENDAPAT AUDIT  | TAHUN KEWANGAN |           |           |           |            |
|---------------|-----------------------|----------------|-----------|-----------|-----------|------------|
|               |                       | 2017           | 2018      | 2019      | 2020      | 2021       |
| 3.            | Pendapat Berteguran   | 5              | 12        | 15        | 12        | 4          |
| 4.            | Pendapat Bertentangan | 0              | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 5.            | Penafian Pendapat     | 0              | 0         | 0         | 0         | 0          |
| <b>JUMLAH</b> |                       | <b>44</b>      | <b>44</b> | <b>45</b> | <b>45</b> | <b>32*</b> |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017-2021

Nota: (\*) - Sebanyak 32 penyata kewangan agensi bagi tahun 2021 telah disijilkan setakat 31 Ogos 2022

5.4. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara turut mensijilkan 17 penyata kewangan agensi tahun 2020 yang belum dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah Tahun 2020. Ia terdiri daripada 11 penyata kewangan BBN dan 6 penyata kewangan PBT. Sebanyak empat penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak tiga penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN**  
**PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

| BIL. | AGENSI   | TARIKH PENSIJILAN | ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM   |
|------|--|-------------------|---|
| 1.   | Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah | 22 September 2021 | Prestasi kewangan syarikat iaitu Konel Ventures Tour and Travel Sdn. Bhd. telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dengan penekanan oleh juruaudit bebas iaitu melaporkan ketidakpastian ketara untuk menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas keupayaan syarikat untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan.  |
| 2.   | Korporasi Pembangunan Desa Sabah               | 28 Oktober 2021   | Penyata kewangan tiga syarikat subsidiari iaitu Agrodesa Sdn. Bhd., Borneo Moringa Sdn. Bhd. dan Borneo Shitake Sdn. Bhd. bagi tahun 2020 telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan EOM oleh juruaudit bebas atas keraguan keupayaan syarikat-syarikat tersebut untuk terus berdaya maju tanpa kebergantungan kepada bantuan kewangan yang berterusan daripada Korporasi Pembangunan Desa. |
| 3.   | Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah*             | 4 Oktober 2021    | Dikecualikan untuk dilaporkan dalam Dewan Undangan Negeri.  |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi bagi tahun kewangan 2020

Nota: (\*) - Asas kepada Pendapat Tanpa Teguran (EOM) tidak dilaporkan disini kerana Penyata Kewangan agensi ini dikecualikan untuk dilaporkan dalam Dewan Undangan Negeri

5.5. Sebanyak empat penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT pula telah diberikan Pendapat Berteguran. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN**  
**PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

| BIL. | AGENSI                                   | TARIKH PENSIJILAN | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN   |
|------|--|-------------------|---|
| 1.   | Lembaga Sukan Negeri Sabah               | 13 Oktober 2021   | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penghutang dari tahun 1978 hingga 2018 berjumlah RM2.02 juta masih belum di hapus kira dan tiada peruntukkan hutang ragu dibuat terhadap penghutang tahun 2014 hingga 2018.</li> <li>ii. Trade Deposit berjumlah RM487,560 dari tahun 2004 hingga 2019 masih tidak bergerak.</li> </ul>   |
| 2.   | Yayasan Sabah                            | 28 Oktober 2021   | Nota 24 Belum Terima Dagangan dan Lain merekodkan item hak konsesi kayu belum diterima daripada syarikat subsidiari. Termasuk dalam item ini ialah Rizab Konsesi Kayu telah dinyatakan pada nilai kos dan bukannya pada nilai saksama. Pengiktirafan bukan pada nilai saksama ini adalah tidak selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 Financial Instruments dan menyebabkan aset bukan semasa di penyata kewangan tahun berakhir 31 Disember 2020 Yayasan Sabah telah berkurang nyata sebanyak RM66.34 juta.   |
| 3.   | Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar | 31 Disember 2021  | Baki di dalam akaun bank berjumlah RM16,389,531 pada tahun berakhir 31 Disember 2020 tidak dapat disahkan kerana pengesahan pihak bank tidak diterima.  |
| 4.   | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah     | 28 April 2022     | Baki pinjaman diberi oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah kepada Sabah Urban Development Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM146.74 juta adalah berbeza dengan baki pinjaman dinyatakan dalam penyata kewangan Sabah Urban Development Sdn. Bhd. berjumlah RM127.16 juta, iaitu perbezaan sebanyak RM19.58 juta. Penyata penyesuaian yang disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah tidak mempunyai maklumat mengenai butiran perbezaan tersebut menyebabkan baki pinjaman diberi tidak dapat disahkan.   |
| 5.   | Dewan Bandaraya Kota Kinabalu            | 29.10.2021        | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baki Akaun Amanah daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM13,542,458 dari RM22,327,025 tidak dapat disahkan kerana laporan terperinci tidak diperolehi.</li> <li>ii. Nilai Buku Bersih Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM27,014,523 adalah berbeza dengan Daftar Aset berjumlah RM51,365,522. Perbezaan berjumlah RM24,350,998 tidak disokong dengan butiran terperinci. Selain itu, jurnal pelarasan berjumlah RM41,366,048 bagi tambahan aset baru dalam tahun semasa tidak disokong dengan senarai terperinci.</li> <li>iii. Ketepatan pergerakan Akaun Kawalan Gaji tidak dapat ditentukan disebabkan wujud baki debit berjumlah RM6,519,201 dan tidak disokong laporan terperinci.</li> <li>iv. Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti menunjukkan baki berjumlah RM92,197,883. Bagaimanapun, pelarasan berjumlah RM24,582,295 di dalam Kumpulan Wang yang dinyatakan semula di Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti tidak dapat disahkan kerana tidak disokong dengan sebarang dokumen.</li> </ul> |
| 6.   | Majlis Daerah Ranau                      | 21.10.2021        | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Geran mengurus yang diterima pada tahun 2019 berjumlah RM637,937 direkodkan sebagai tanggungan di Penyata Harta dan Tanggungan dan terlebih nyata di tanggungan amaun yang sama.</li> <li>ii. Faedah berjumlah RM262,930 tidak diiktiraf sebagai hasil dan hanya diambil kira sebagai ekuiti.</li> </ul>  |
| 7.   | Majlis Daerah Pitas                      | 06.10.2021        | Baki bantuan Kerajaan Negeri dan Persekutuan masing-masing berjumlah RM69,398 dan RM16,920 tidak dinyatakan di Penyata Harta dan Tanggungan.  |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi bagi tahun kewangan 2020

5.6. Bagi tahun kewangan 2021, sebanyak tujuh penyata kewangan BBN dan 19 penyata Kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak satu penyata kewangan BBN dan satu penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA**  
**TEGURAN DENGAN EOM BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

| BIL. | AGENSI                           | TARIKH PENSIJILAN | ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM   |
|------|----------------------------------|-------------------|---|
| 1.   | Korporasi Pembangunan Desa Sabah | 18 Ogos 2022      | Penyata kewangan dua syarikat subsidiari iaitu Borneo Moringa Sdn. Bhd. dan Borneo Shiitake Sdn. Bhd. bagi tahun 2021 telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dengan perenggan EOM oleh juruaudit bebas atas keraguan keupayaan syarikat-syarikat tersebut untuk terus berdaya maju tanpa kebergantungan kepada bantuan kewangan yang berterusan daripada Korporasi Pembangunan Desa. |
| 2.   | Majlis Daerah Kinabatangan       | 28.07.2022        | Tiada pergerakan direkodkan ke atas jumlah pembayaran gaji bagi Majlis Daerah Tongod yang dilaporkan sebagai pendahuluan berjumlah RM305,000.   |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5.7. Sebanyak satu penyata kewangan BBN dan tiga penyata kewangan PBT telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN**  
**PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021**

| BIL. | AGENSI                          | ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN  |
|------|---------------------------------|--|
| 1.   | Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah | Geran Kerajaan belum dibelanja berjumlah RM1.03 juta yang diiktiraf sebagai pendapatan tidak mematuhi piawaian MPERS Seksyen 24 dan menyebabkan pendapatan terlebih catat.   |
| 2.   | Majlis Daerah Beaufort          | Pelarasan baki wang terkumpul pada 1 Januari 2021 berjumlah RM592,399 dalam Penyata Harta dan Tanggungan setakat 31 Disember 2021 tidak dapat disahkan kerana tiada butiran terperinci dan dokumen sokongan mengenai pelarasan tersebut.   |
| 3.   | Majlis Daerah Tuaran            | i. Pada tahun berakhir 31 Disember 2021, Akaun Tergantung berjumlah RM8,479 digunakan untuk mengimbangi Penyata Harta dan Tanggungan Majlis Daerah Tuaran.<br>ii. Akaun Wang Tahanan berjumlah RM105,548 tidak dapat ditentusah kerana Daftar Bon Pelaksanaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.  |
| 4.   | Majlis Daerah Papar             | i. Baki Pertaruhan Am wujud dari tahun 1995 hingga 2019 berjumlah RM581,803 tidak menunjukkan pergerakan dan status wang pertaruhan tidak dapat dikenal pasti.<br>ii. Perbezaan baki Pertaruhan Am pada Penyata Kewangan dan rekod deposit berjumlah RM100,863.<br>iii. Perbezaan rekod wang dalam Akaun Semasa di dalam Penyata Kewangan dan Penyata Bank berjumlah RM3.65 juta. Majlis Daerah Papar tidak dapat menyediakan Penyata Penyesuaian Bank yang tepat bagi mengesahkan baki wang dalam Akaun Semasa. |

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN.

6.2. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak lima daripada 45 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Satu penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan iaitu Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dikecualikan daripada dibentangkan di DUN Sabah selaras dengan Seksyen 24, Enakmen Perbadanan Baitulmal No. 11 Tahun 1998 (Enakmen 11/1998). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020 YANG TELAH**  
**DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022**

| BIL.                         | AGENSI   | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI |
|------------------------------|--|---|
| <b>BADAN BERKANUN NEGERI</b> |  |   |
| 1.                           | Perbadanan Pinjaman Sabah                              | Belum Dibentang                           |
| 2.                           | Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah             | Belum Dibentang                           |
| 3.                           | Lembaga Industri Getah Sabah                           | Belum Dibentang                           |
| 4.                           | Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah                        | Belum Dibentang                           |
| 5.                           | Lembaga Sukan Negeri Sabah                             | Belum Dibentang                           |
| 6.                           | Lembaga Pelancongan Sabah                              | Belum Dibentang                           |
| 7.                           | Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah                      | Belum Dibentang                           |
| 8.                           | Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar               | Belum Dibentang                           |
| 9.                           | Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah               | 21.03.2022                                |
| 10.                          | Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah                   | Belum Dibentang                           |
| 11.                          | Yayasan Sabah  | Belum Dibentang                           |
| 12.                          | Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah              | Belum Dibentang                           |
| 13.                          | Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah                    | Belum Dibentang                           |
| 14.                          | Korporasi Pembangunan Desa Sabah                       | Belum Dibentang                           |
| 15.                          | Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah                   | Belum Dibentang                           |
| 16.                          | Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah | Belum Dibentang                           |
| 17.                          | Yayasan Tun Fuad                                       | Belum Dibentang                           |
| 18.                          | Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah         | Belum Dibentang                           |
| <b>MAJLIS UGAMA ISLAM</b>    |  |   |
| 19.                          | Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah                      | Dikecualikan                              |

| BIL.                           | AGENSI                        | TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI |
|--------------------------------|-------------------------------|---|
| 20.                            | Majlis Ugama Islam Sabah      | 21.03.2022                                |
| <b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b> |                               |   |
| 21.                            | Majlis Perbandaran Tawau      | Belum Dibentang                           |
| 22.                            | Majlis Daerah Nabawan         | Belum Dibentang                           |
| 23.                            | Majlis Daerah Tenom           | Belum Dibentang                           |
| 24.                            | Lembaga Bandaran Kudat        | Belum Dibentang                           |
| 25.                            | Majlis Daerah Kuala Penyu     | Belum Dibentang                           |
| 26.                            | Majlis Daerah Kota Belud      | Belum Dibentang                           |
| 27.                            | Majlis Daerah Kota Marudu     | Belum Dibentang                           |
| 28.                            | Majlis Daerah Beluran         | Belum Dibentang                           |
| 29.                            | Majlis Daerah Kunak           | Belum Dibentang                           |
| 30.                            | Majlis Daerah Beaufort        | Belum Dibentang                           |
| 31.                            | Majlis Daerah Penampang       | Belum Dibentang                           |
| 32.                            | Majlis Perbandaran Sandakan   | Belum Dibentang                           |
| 33.                            | Majlis Daerah Putatan         | Belum Dibentang                           |
| 34.                            | Majlis Daerah Pitas           | 21.03.2022                                |
| 35.                            | Majlis Daerah Ranau           | 21.03.2022                                |
| 36.                            | Dewan Bandaraya Kota Kinabalu | Belum Dibentang                           |
| 37.                            | Majlis Daerah Kinabatangan    | Belum Dibentang                           |
| 38.                            | Majlis Daerah Lahad Datu      | Belum Dibentang                           |
| 39.                            | Majlis Daerah Papar           | Belum Dibentang                           |
| 40.                            | Majlis Daerah Sipitang        | Belum Dibentang                           |
| 41.                            | Majlis Daerah Tambunan        | Belum Dibentang                           |
| 42.                            | Majlis Daerah Tuaran          | Belum Dibentang                           |
| 43.                            | Majlis Daerah Semporna        | Belum Dibentang                           |
| 44.                            | Majlis Daerah Keningau        | Belum Dibentang                           |
| 45.                            | Majlis Daerah Tongod          | 21.03.2022                                |

Sumber: Rekod Dewan Undangan Negeri Sabah Setakat 31 Ogos 2022

## 7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 32 penyata kewangan agensi bagi tahun kewangan 2021 telah disahkan yang terdiri daripada sembilan BBN dan 23 PBT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, dua diberi Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan empat diberi Pendapat Berteguran. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 5 daripada 45 penyata kewangan agensi bagi tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah.

## 8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Kementerian Kewangan Negeri Sabah akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan

8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.